

23/03/1999

Pas bermimpi siang hari: Dr M

ALOR STAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Pas tidak berupaya menggugat Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang kecuali menjadi pengacau untuk melemahkan Umno.

Perdana Menteri menyifatkan keghairahan Pas untuk menawan dua atau tiga negeri di Semenanjung seperti digembar-gemburkan oleh pemimpin parti itu sekarang sebagai mimpi pada siang hari.

"Kita tidak ada undang-undang yang mencegah sesiapa bermimpi pada siang hari. Tidak mengapa, mereka boleh bermimpi. Ini negara bebas ... bebas untuk mereka yang bermimpi," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan dua harinya ke Kedah, hari ini.

Beliau ditanya mengenai sejauh mana ancaman Pas terhadap BN dan dakwaan mengenai keupayaan parti itu menawan beberapa negeri pada pilihan raya umum akan datang.

Sejak beberapa bulan lalu, Pas, sama ada melalui ceramah pemimpinnya atau menerusi akhbar parti itu, Harakah, melahirkan keyakinan dapat menawan beberapa negeri.

Selain Kelantan, parti itu mendakwa dapat membentuk kerajaan di Perlis, Kedah dan Terengganu serta menjadi pembangkang yang kuat di Perak, Selangor dan Pahang.

Dr Mahathir berkata, BN mempunyai lebih dua pertiga kerusi di Parlimen dan boleh terus lantang bercakap kerana mengetahui mendapat sokongan rakyat.

"Tetapi Pas mengaku dia sendiri tak boleh mendirikan kerajaan di Malaysia. Dia boleh berjaya di Kelantan tetapi sekarang pun kedudukannya tergugat serta terancam.

"Dia cuma menjadi spoiler (pengacau) untuk melemahkan Umno kerana apabila Umno dilemahkan dan jadi kerajaan lemah, maka berjayalah pihak lain yang ingin melihat sebuah kerajaan yang lemah di Malaysia," katanya.

Mengenai ancaman Pas dan keyakinan parti pembangkang itu untuk menang di Kedah, Dr Mahathir berkata, BN tidak bimbang kerana negeri berkenaan sering kali menerima serangan Pas.

"Dia boleh dakwa apa saja, ini semua strategi Pas. Pas buat ramalan tak betul. Kalau ikut sejarah Pas, banyak dia menang sana sini tapi tak benar.

"Kedah kena serang banyak kali tetapi kita menang juga. Mereka boleh tumpu kepada Kubang Pasu untuk kalahkan saya supaya berjayalah cita-cita kuasa asing untuk menjatuhkan saya. Lebih-lebih lagi ada yang nak tembak ... tembaklah," katanya.

Sambil mempelawa Pas memasang lebih banyak bendera parti itu berhampiran rumahnya di Titi Gajah dekat sini, Dr Mahathir mencadangkan supaya Pas memasang bendera hijau yang ditulis 6-0 kerana tewas di semua enam kawasan yang ditandinginya dalam pilihan raya Sabah, baru-baru ini.

Mengenai dakwaan pembangkang kononnya beliau tidak akan mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu, Dr Mahathir berkata: "Tunggulah sama ada Pas cakap bohong atau saya sendiri."

Dr Mahathir juga berkata, golongan intelek tertarik dengan Pas kerana berpendapat kononnya mereka lebih layak daripada kerajaan untuk memerintah tetapi kecewa apabila tidak ada kuasa.

"Kerajaan tidak menghalang mereka untuk memerintah tetapi mereka perlu meletakkan jawatan serta berkecimpung dalam bidang politik dan bertanding dalam pilihan raya.

"Tetapi jika mahu kehidupan mewah sebagai kakitangan kerajaan yang

bergaji tetapi pada masa yang sama nak berpolitik, ini tak kena," katanya.

Mengenai keputusan Kongres Amerika Syarikat meluluskan sembilan perkara baru-baru ini yang membolehkan negara itu campur tangan di negara lain, Perdana Menteri berkata, parti lawan akan menyukainya bagi membolehkan mereka meminta bantuan negara itu.

"Kita tak hairan, dia boleh pergi ... tak mengapa. Dia tak pergi pun kita tahu dia ada hubungan (dengan Amerika Syarikat)," katanya.

(END)